

05/01/1997

Larang diami tepi sungai (HL)

Licong Angkui

KOTA KINABALU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, peraturan baru perlu digubal untuk melarang pembinaan penempatan di pinggir sungai sebagai strategi jangka panjang mengelak tragedi jika berlaku banjir kilat.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata rundingan perlu diadakan dengan kerajaan-kerajaan negeri kerana ia akan membabitkan masalah penempatan semula mereka yang sudah berkampung di pinggir sungai.

Dalam sidang akhbar di terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini sebelum berlepas pulang ke ibu negara petang semalam, beliau berkata perbincangan itu termasuk soal had atau jarak penempatan daripada pinggir sungai.

"Di seluruh negara ini perlu dibuat ... saya nak katakan ada had, itu susah sikit kerana ini perlu dirunding dengan kerajaan negeri kerana ia membabitkan masalah sama ada ada tanah atau kawasan untuk ditempatkan semula mereka ini," katanya.

Beliau ditanya wartawan sama ada perlu diperkenal peraturan melarang pembinaan penempatan di pinggir sungai seluruh negara, berikutan wujud masalah banyak perumahan haram di kawasan terbabit.

Dr Mahathir juga meminta pelbagai pihak supaya tidak membuat kritikan sewenang-wenang berhubung tragedi itu.

"Ada banyak berpendapat bahawa kita harus membuat laporan cuaca (yang menyeluruh) dan sebagainya, tetapi masalahnya ialah orang tinggal di tempat itu. Kalau kita bagi amaran pun mungkin tidak sempat," katanya.

Menurutnya, ada sesetengah mangsa yang sudah diberitahu bahawa air sedang naik di kawasan mereka, tetapi tidak mengendakkannya kerana berpendapat banjir itu tidak akan sampai ke rumah mereka.

Dr Mahathir yang dalam lawatan kerja sehari ke Sabah, meninjau daerah Keningau, iaitu kawasan paling teruk terjejas akibat banjir kilat. Beliau diiringi Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee; Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu Sukam; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat serta hampir semua menteri Kabinet negeri.

Mengenai tragedi Ribut Greg yang melanda Sabah, Perdana Menteri menasihatkan kerajaan negeri dan majikan terutama di Keningau supaya menyediakan tempat lebih selamat kepada mangsa berkenaan.

Katanya, kawasan baru yang lebih selamat patut disediakan untuk membenarkan mereka membina rumah dan meneruskan kehidupan seperti biasa.

"Walaupun kebanyakan rumah terbabit dibina secara haram, satu cara mesti dicari supaya mereka dapat ditempatkan di kawasan lebih selamat," katanya.

Mengenai rakyat asing yang terbabit dalam bencana itu, Perdana Menteri berkata mereka yang mempunyai kerja boleh dibenarkan terus bekerja di sini dan disediakan tempat tinggal selamat.

Bagi yang tidak mempunyai pekerjaan, mereka akan dihantar pulang menerusi program yang ditetapkan.

"Baru-baru ini diadakan satu usaha untuk menghantar balik mereka yang tidak mempunyai kerja...jadi dengan cara itu, kita tidak terdesak sangat dengan penempatan mereka," katanya.

Mengenai lawatan singkatnya itu, Perdana Menteri berkata lawatannya ke sini bertujuan melihat sendiri keadaan dan gerakan mencari dan menyelamatkan membabitkan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan.

Beliau berpuas hati dengan sokongan dan sumbangan orang ramai, sektor swasta terhadap usaha memulihkan keadaan, terutama di kawasan terjejas.

Sehubungan itu, Dr Mahathir turut berterima kasih kepada kerajaan beberapa negara, termasuk Jepun yang menghulurkan bantuan wang tunai serta pakaian untuk meringankan beban mangsa ribut berkekaan.

(END)